

16 APR 2004

DR MAHATHIR DAN SITI HASMAH BERDUET LAGU "DARI HATI KE HATI"

SHAH ALAM, 16 April (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali tidak menghampakan tetamu pada majlis makan malam anjuran Universiti Teknologi MARA (UiTM) di sini apabila tidak keberatan menyampaikan lagu secara berduet.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah menyampaikan lagu "Dari Hati ke Hati" yang pernah dipopularkan oleh penyanyi veteran R. Ismail dan Allahyarham Datin Rafeah Buang pada satu ketika dahulu.

Majlis yang diberi nama Senandung Kasih itu bagi meraikan Dr Mahathir yang dianugerahi Ijazah Kehormat Doktor Sains Politik dan Kerajaan pada Istiadat Konvokesyen Komemoratif UiTM semalam.

Pada majlis yang sama, Dr Mahathir turut melancarkan buku bertajuk "Islam, Demokrasi dan Urustakbir Yang Baik-Pengalaman Malaysia" terbitan Pusat Penerbitan Universiti UiTM.

Turut hadir pada majlis itu ialah Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah dan pegawai kanan serta ahli akademik universiti itu.

-- BERNAMA
SHS SOR HK RHM